



Ruj. Kami : KPM.500-3/1/1 JLD 4 (61)
Tarikh : 8 Oktober 2025

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan,

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN PENOLONG PENGARAH GRED DG10/DG12 KHAS UNTUK JAWATAN (KUJ) DI BAHAGIAN PENDIDIKAN DAN LATIHAN TEKNIKAL VOKASIONAL, KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional, Kementerian Pendidikan ingin mempelawa Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) dari Jabatan/ Bahagian YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan yang berminat untuk mengisi kekosongan jawatan **Penolong Pengarah Gred DG10/12(KUJ)** di Bahagian ini seperti maklumat berikut:

Bil.	Unit	Bilangan kekosongan
1.	Unit Pentaksiran dan Penilaian SVM	1
2.	Unit Dasar dan Perancangan TVET	1

3. Sehubungan itu, PPP yang memenuhi kriteria dan syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan boleh mengemukakan permohonan dan dokumen-dokumen sokongan kepada Bahagian ini. Bersama-sama ini disertakan maklumat terperinci mengenai kekosongan jawatan berkaitan:

- Iklan kekosongan jawatan seperti di Lampiran A; dan
- Borang permohonan seperti di Lampiran B.

4. Adalah diingatkan kepada semua pemohon supaya mengisi borang permohonan dengan maklumat yang tepat dan permohonan tersebut hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing. **Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar kepada alamat berikut sebelum atau pada 27 Oktober 2025 (Isnin).**

Pengarah
Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional
Aras 5 & 6, Blok E14, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya
(u.p.: Unit Pengurusan Institusi TVET)

5. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh dikemukakan kepada Puan Farhana binti Abu Said di talian 03 – 8884 5021 atau emel farhana.abusaid@moe.gov.my.

Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(Ts. ZULKERNAI BIN FAUZI K.M.N, P.M.K)

Pengarah

Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional
Kementerian Pendidikan

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN
PENOLONG PENGARAH GRED DG10/DG12 (KUJ)
BAHAGIAN PENDIDIKAN DAN LATIHAN TEKNIKAL VOKASIONAL
KEMENTERIAN PENDIDIKAN

1. Jawatan Kosong

- i) Jawatan : Penolong Pengarah Gred DG10/DG12 (KUJ)
- ii) Kementerian : Kementerian Pendidikan
- iii) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
- iv) Klasifikasi Perkhidmatan : Pendidikan

2. Syarat-Syarat Kelayakan Umum

- i) Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG10/DG12 (Hakiki/KUP) yang sedang berkhidmat di bawah Kementerian Pendidikan dan disahkan dalam perkhidmatan.
- ii) Mempunyai purata markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) / (PBPPP) untuk tiga (3) tahun terakhir melebihi 85%.
- iii) Bebas daripada siasatan/ prosiding atau tindakan tatatertib.
- iv) Bebas daripada senarai Peminjam Tegar Institusi Pinjaman Pendidikan.
- v) Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).
- vi) Mempunyai tahap kesihatan yang baik secara menyeluruh.
- vii) Tidak berada dalam keberhutangan kewangan yang serius.
- viii) Pernah memegang portfolio pengurusan di institusi.
- ix) Mahir menggunakan pelbagai aplikasi dan perisian komputer seperti *Microsoft Office (Word, Excell, Power Point)* dan lain-lain.
- x) Fasih dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris (penulisan dan pertuturan).

3. Syarat-Syarat Kelayakan Khusus

- i. Memiliki Ijazah Sarjana Muda Pendidikan/ Bachelor Pendidikan/ Ijazah Sarjana Pendidikan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dalam bidang khusus yang diperlukan bagi unit berikut:

Bil.	Unit	Bidang
1.	Unit Pentaksiran dan Penilaian SVM	i. Kejuruteraan Elektrik ii. Kejuruteraan Awam iii. Binaan Bangunan/ Kayu

- ii. Mempunyai pengalaman/ kepakaran dalam bidang pengurusan bagi unit berikut:

Bil.	Unit	Pengalaman/ Kepakaran
1.	Unit Dasar dan Perancangan TVET	i. Berpengalaman menyediakan kertas dasar, nota makluman, atau kertas cadangan. ii. Berupaya menilai impak dan keberkesanan pelaksanaan sesuatu dasar atau program. iii. Berpengalaman menyelaras input berkaitan dasar dan operasi. iv. Berpengalaman dalam menyelaras mesyuarat antara kementerian, agensi, atau pihak berkepentingan. v. Berupaya menyediakan minit mesyuarat, laporan, dan kertas pertimbangan dasar dengan kemas dan tepat.

- iii. Pegawai mempunyai kemahiran dalam menganalisis data, penyediaan laporan dan berupaya memahami, peka dan mentafsir dasar-dasar pendidikan dengan tepat.
- iv. Pegawai mempunyai personaliti, penampilan dan kemahiran komunikasi yang baik yang akan membantu membina hubungan (*networking*) baik dengan pegawai lain serta boleh bekerja dalam pasukan.
- v. Pegawai mempunyai kemahiran menulis dan bahasa yang baik bagi menghasilkan laporan, kertas kerja, minit mesyuarat, surat dan memo yang berkualiti.
- vi. Pegawai mempunyai kemahiran dalam pengurusan kewangan, penyediaan laporan dan berupaya memahami, peka dan mentafsir pekeliling-pekeliling berkaitan kewangan dengan tepat.
- vii. Pegawai berupaya melaksanakan dan mengurussetiakan latihan, mesyuarat/ bengkel/ makmal/ seminar dan lain-lain mengikut keperluan.
- viii. Pegawai mempunyai kebolehan melaksanakan tugas dengan pemantauan yang minimum bagi memantapkan prestasi latihan pada tahap yang optimum.

4. Cara Memohon

- i) Permohonan hendaklah melengkapkan borang permohonan seperti format di Lampiran B dan Lampiran Kenyataan Ketua Jabatan. **Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar kepada alamat berikut sebelum atau pada 27 Oktober 2025 (Isnin)**

Pengarah
Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional
Aras 5 & 6, Blok E14, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya
(u.p.: Unit Pengurusan Institusi TVET)

- ii) Permohonan yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan atau tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan tidak akan dipertimbangkan.
- iii) Semua maklumat di borang perlu diisi dengan jelas. Adalah menjadi tanggungjawab pemohon untuk menerima makluman berkenaan urusan temu duga tersebut melalui e-mel/ panggilan telefon. Dengan itu, pihak urusetia tidak akan bertanggungjawab sekiranya pemohon tersebut tidak dapat dihubungi.

5. Urusan temu duga

- i) Calon yang layak dan sesuai akan dipanggil untuk sesi temu duga selewat-lewatnya dalam tempoh satu (1) bulan daripada tarikh tutup iklan ini.
- ii) Segala perbelanjaan berkaitan dengan temu duga adalah di bawah tanggungan calon sendiri.
- iii) Calon yang tidak dihubungi dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh tutup permohonan dianggap tidak berjaya dan tiada surat makluman akan dikeluarkan.

6. Pertanyaan

Sebarang pertanyaan berkaitan permohonan jawatan ini boleh dikemukakan kepada pegawai berikut:

Nama Pegawai	No. Telefon	Alamat E-mel
Farhana binti Abu Said	03 - 88845021	farhana.abusaid@moe.gov.my
Norizzathy binti Agir	03 - 88845198	norizzathy@moe.gov.my